

Pihak berkuasa negeri harus komited

Hutan simpan kekal dibuka, perlu diganti

Oleh **MOHD. AZRIN MUHAMMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 3 MEI**

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mahu pihak berkuasa negeri komited menggantikan tanah hutan simpan kekal (HSK) yang diwartakan keluar atau dibuka serta-merta.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, tindakan itu menunjukkan kerajaan tidak menggalakkan hutan simpan kekal (HSK) digunakan untuk sebarang projek pembangunan tanah walaupun pihak berkuasa negeri boleh berbuat demikian dengan Seksyen 11, Akta Perhutanan Negara 1984.

“Mereka perlu ganti serta-merta selaras dengan Seksyen 12, akta yang sama seluruh Semenanjung dan jika perlu melalui Majlis Tanah Negara, saya akan memohon pihak berkuasa negeri untuk buat semakan semula.

“Kementerian prihatin terhadap risiko kitaran fenomena El Nino dari perspektif kawasan hutan sebagai kawasan tadahan hujan, maka kerajaan tidak menggalakkan pembukaan hutan di samping membanteras insiden kebakaran,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Secara keseluruhannya, kawasan HSK di Kuala Lumpur telah berkurangan 37.83 hektar daripada 106.10 hektar sejak mula diwartakan kepada 68.27 hektar dan kehilangan tersebut berlaku berikutan keperluan terdesak pembangunan tanah terutamanya atas tujuan pembangunan jalan dan infrastruktur.

Tambah Wan Junaidi, kementeriannya mencadangkan untuk menguatkuasakan peraturan termasuk mewartakan kawasan gantian terle-



**WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**

bih dahulu jika ada mana-mana hutan simpan kekal yang mahu dibangunkan dan sekiranya perlu ia perlu dibincangkan dengan Majlis Tanah Negara.

“Pihak berkuasa negeri perlu komited sepenuhnya kepada komitmen negara melalui keputusan yang dibuat dalam Forum Perhutanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFF), Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan

Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC),

“Jadi pihak berkuasa negeri perlu menyokong usaha kerajaan untuk mengekalkan kawasan hutan agar tidak kurang 50 peratus daripada keluasan negara dan menggesa semua pihak berkaitan untuk membuat pertimbangan terhadap cadangan pembangunan yang melibatkan HSK” katanya.